

SET 1
SKEMA PEMARKAHAN
MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1 : Morfologi

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata dasar yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata dasar tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata dasar telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata dasar salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata dasar yang ditambah imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata dasar digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

(i) dapat

1. boleh (berupaya) melakukan sesuatu, sanggup
2. mengalami, menemui
3. memperoleh, menemukan, mendapatkan

(ii) penuh

1. seluruhnya berisi, tidak sedikit pun kosong (terluak)
2. banyak berisi (sesuatu), banyak mengandungi (sesuatu)
3. tidak kurang, cukup (kiasan)
4. banyak (ramai) sekali

(iii) mahir

1. terlahir untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar, pandai

(iv) lahir

1. yang (kelihatan) di luar
2. berupa benda yang nyata, jasmani, maujud, keduniaan
3. keluar dari kandungan (ibu dll), jadi, terbit

*senaraikan perkataan (1markah), bina ayat (1markah)

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

1. Inovasi merupakan agenda penting dalam menentukan hala tuju sesebuah institusi pendidikan tinggi di seluruh dunia.
2. Inovasi merupakan agenda penting dalam mengukuhkan sesebuah institusi pendidikan tinggi di seluruh dunia.
3. Inovasi bukan hanya dilihat menerusi penggunaan sistem teknologi.
4. Inovasi boleh dilaksanakan melalui penyelidikan.
5. Inovasi dapat menghasilkan penemuan ilmu pengetahuan baharu.
6. Inovasi menjadi ukuran prestasi sesebuah institusi pendidikan tinggi.

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Petikan 1

1. berbagai – berbagai-bagai/pelbagai
2. samada – sama ada
3. dibimbangkan – membimbangkan
4. gengsterisma – gengsterisme
5. di kalangan – dalam kalangan
6. mempamerkan – menunjukkan

[6 markah]

Petikan 2

1. dititik beratkan - dititikberatkan
2. gotong royong – gotong-royong
3. kuantiti - kualiti
4. memperkukuhkan – memperkukuh
5. di dalam – dalam
6. disemai oleh kita – kita semai

[5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis, bahasa istana kekal	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan, urutan terbalik	0

Setelah Kertala Sari selesai berkata-kata, lalu datanglah utusan daripada Patih Gajah Mada. Kertala Sari dilihat sedang berkata-kata dengan ibunya seperti tingkah laku orang berkelahi /bergaduh /bertengkar /berbalah. Setelah dilihat oleh Kertala Sari orang yang datang itu, lalu Kertala Sari bertanya kepada orang itu, “Siapakah tuan hamba ini?”

Soalan 5 : Peribahasa

1. masuk telinga kanan, keluar telinga kiri / mencurah air ke daun keladi/ mencurah garam ke laut
2. seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit/ kerana nila setitik, rosak susu sebelanga
3. hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah/ berat sama dipikul, ringan sama dijinjing/ bukit sama didaki, lurah sama dituruni

*1 peribahasa, 2 markah

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
Markah Penuh 35 markah dibahagikan kepada :
Soalan 6 : 13 markah
Soalan 7 : 12 markah
Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi Soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> Gramatis	2
Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6

- i. P1 kepercayaan orang lain terhadap kita akan hilang
P2 hubungan sesama manusia akan menjadi renggang.

Maksimum : 2 markah]

ii. cara-cara

Bahan 1

- P1 Pemimpin masyarakat perlu menjadi contoh kepada generasi kini
P2 penjawat awam perlu menerapkan prinsip dan nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas

Bahan 2

- P1 Seorang penjawat awam diwajibkan mengistiharkan harta yang diperoleh sebelum dilantik
P2 menghadiri program integriti anjuran SPRM

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

**[Maksimum: 3 markah]
[isi cukup: 2 isi]**

- iii. Punca-punca masyarakat kurang mengamalkan integriti dalam kehidupan

- P1 kurangnya didikan/penerapan agama dan moral /nilai
P2 tekanan hidup dan ekonomi / Kesempitan hidup
P3 sikap tamak / mementingkan diri

P4 pengaruh persekitaran yang negatif

P5 keinginan untuk hidup mewah / senang/ cepat kaya

[3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

iv. Langkah-langkah yang wajar diambil

P1 Melaporkan/ memaklumkan kepada guru

P2 Menasihati/ menerangkan/ kepada AJK tentang kepentingan integriti

P3 Menyediakan rekod kewangan yang lengkap dan telus

P4 Membawanya berjumpa guru disiplin/ pengawas/ kaunselor

P5 Memaklumkan kepada ibu bapa/ keluarga

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

i) Nasihat De Wega kepada Kamarul

P1 Disiplin itu penting kepada kita

P2 Jangan mudah lupa diri

P3 Jangan mudah putus asa atau kecewa

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

ii) Kebaikan-kebaikan bersukan kepada masyarakat.

Bahan 2

P1 membentuk semangat waja

P2 badan lebih sihat/ badan sihat dan tubuh bertenaga

P3 Kurang/ tidak melakukan perkara yang tidak berfaedah

P4 hati sentiasa gembira / sentiasa gembira

Bahan 3

P5 mencergaskan jasmani dan mencerdaskan minda

P6 membentuk motivasi diri / motivasi diri dapat dibentuk

P7 menyihatkan fizikal dan minda

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan bahan 2 dan bahan 3.

[maksimum: 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- iii) Faktor generasi muda gemar melakukan aktiviti riadah
- P1 kesedaran diri / menyihatkan tubuh badan
 - P2 mengurangkan tekanan
 - P3 mengisi masa lapang
 - P4 mengeratkan silaturahim
 - P5 pengaruh media sosial
 - P6 kewujudan fasiliti riadah yang semakin baik dan banyak

[maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

- iv) Sebagai pengurus kelab rekreasi, tindakan yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan penyertaan aktiviti perkhemahan.
- P1 menghebahkan/mempromosikan program di media sosial / poster
 - P2 membuat aktiviti yang menarik sepanjang program
 - P3 mengenakan bayaran yang berpatutan / murah / tanpa bayaran
 - P4 mengadakan program di tempat yang menarik
 - P5 menyediakan sijil/hadiah yang menarik untuk aktiviti yang dijalankan

[maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

- P1 Setiap kali bertanyakan hal Eda daripada keluarganya, mereka kata dia demam.
- P2 Kalau nak sakit kenapa tak ada sesiapa yang pergi melawat dia?
- P3 Mereya tiga hari lagi bagaimana, tanpa kehadiran Eda sekali lagi?
- P4 Sudahlah semasa bertekul Waheeda tidak ada, sekarang masa mereya pun tidak dapat datang, majlis apa namanya ni abahnya?

Panduan Pemarkahan

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah bagi setiap peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dengan betul/ jelas/ tepat.
- (iv) Berikah 1 markah bagi setiap penjelasan/ huraian / alasan peristiwa berkenaan menunjukkan kepentingan ilmu.

- (v) Markah isi maksimum 4 markah. Maksimum 2 markah bagi setiap peristiwa dan penjelasan/ huraian/ alasan .
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
- (viii) Baik : 2 markah
- (ix) Lemah : 1 markah
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

ii. Peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan

Novel Di Sebalik Dinara

1. Peristiwa Farisha dan Rosman yang merupakan rakan kongsi perniagaan menghadiri simposium yang akan dirasmikan oleh Phillips Young, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang keselamatan sistem komputer.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan untuk memajukan syarikat atau perniagaan yang dimiliki.

2. Peristiwa Karl berusaha untuk memajukan diri dan membuat kajian hingga mendapat pengiktirafan dengan memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan. Dia juga bijak dalam bidang sains dan membuat pelbagai teknologi hingga berjaya mencipta cyborg seperti Aqram dan Khairul Anuar.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu kerana kita perlu mendalami ilmu dalam bidang teknologi untuk memajukan diri sendiri.

3. Peristiwa Shida yang ditawarkan untuk menulis rencana dan biografi tentang Dinara merupakan seorang penulis yang berkelulusan dalam bidang undang-undang.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu untuk mendapat kepercayaan dan pengiktirafan daripada orang lain.

4. Peristiwa Aqram menawarkan Farisha untuk menjadi jururunding di Soft Lab dengan tujuan untuk membantunya menggodam virus demi menyelamatkan Dinara dengan bayaran RM 1.5 juta. Hal ini kerana Farisha sangat pandai dan mahir dalam bidang teknologi maklumat.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu atau pentingnya kemahiran atau kepakaran dalam sesuatu bidang untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam pekerjaan.

5. Peristiwa Aqram mencuri gelas dan air liur Farisha untuk menguji DNA dan mengenal pasti identiti Farisha yang sebenar.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu agar kita menguasai ilmu dalam bidang forensik dan sains biologi bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

6. Peristiwa Azraai memasang teknologi pengimbas retina dan interkom di apartmen Farisha untuk melindungi keselamatannya selepas berlaku kes pembunuhan

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu kerana kita perlu menguasai ilmu berkaitan teknologi dalam kehidupan harian demi keselamatan dan ketenangan.

Novel Silir Daksina karya Nizar Parman

1. Peristiwa Ai Ling yang gigih berlatih mendeklamasikan sajak dengan Cikgu Zam pada setiap petang untuk menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak. Ai Ling telah mendapat johan dalam pertandingan tersebut.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu untuk memperoleh kejayaan dalam bidang yang diceburi.

2. Peristiwa Tauke Ong yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menoreh getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi mengumpul wang untuk pembelajaran anak-anaknya supaya anak-anaknya dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu kerana kita perlu mengubah taraf hidup keluarga agar lebih baik.

3. Peristiwa Haikal yang bersungguh-sungguh mempelajari tarian Zapin Jincat bagi mempopularkan semula zapin tersebut di Kampung Seri Purnama.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu kerana kita perlu dalam mengekalkan seni warisan budaya yang kian pupus.

4. Peristiwa Haikal yang telah menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang (UNIMAS) dalam bidang sastera bagi mencapai cita-citanya.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu kerana kita mestilah menambahkan ilmu pengetahuan demi mengejar minat dan cita-cita.

5. Peristiwa Ai Ling belajar menari tarian zapin dan menyertai kumpulan tarian zapin kanak-kanak di kampungnya.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu supaya kita dapat menambah pengetahuan untuk memahirkan diri dalam bidang seni dan budaya.

Nota :

Haiqal / Haikal / Aiman

Abdullah bin Kayan / Cikgu Amirulnizam / Cikgu Zam

Ai Ling / Ong See Hwa

Tauke Lim / Tauke Ong

Umi / Rafiqah

Walid / Abdul Fatah

(Mana-mana peristiwa yang sesuai diterima)

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - **20 markah**
 (b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
 - Peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
 (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
 (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bil Isi		Bilangan isi diterima (8 isi lengkap)											Markah maksimum
Pendahuluan													2	
Isi Bahan 1													16	
Fokus 1 (A) (Cara/ Langkah/ Usaha)	2	2	2	2	2	2	1	2	1	2	1	1		2
Fokus 2 (B) (Kesan/ Akibat/ Keburukan)	3	3	1	1	2	2	2	2	3	1	3	3		2
Isi Bahan 2														
Fokus 1 (C) (Cara/ Langkah/ Usaha)	3	1	3	2	1	2	1	2	1	1	2	1		1
Isi Bahan 3														
Fokus 1 (D) (Cara/ Langkah/ Usaha)	2	1	1	1	2	1	2	1	2	2	1	1		1

Fokus 2 (E) (Kesan/ Akibat/ Keburukan)	2	1	1	2	1	1	2	1	1	2	1	2	2	
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
Penutup / Kesimpulan														2
	Jumlah Markah													20

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH	BAHASA
Cemerlang	8-10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- Jika calon memperoleh markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan:

		Markah
P1	Rumusan tentang/ membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara membendung penyebaran berita palsu dan kesan-kesan/ akibat/ keburukan/ implikasi penyebaran berita palsu.	2
P2	Rumusan tentang/ membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara membendung penyebaran berita palsu	1
P3	Rumusan tentang/ membincangkan kesan-kesan/ akibat/ keburukan/ implikasi penyebaran berita palsu	1

Isi:

Bahan 1

A	Fokus 1 langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara membendung penyebaran berita palsu	Markah
A1	Pengguna media sosial, janganlah berkongsi atau komen berita yang diterima tanpa mengetahui status berita tersebut	2
A2	Agensi kerajaan seharusnya memastikan setiap maklumat atau berita yang dikongsi di media sosial adalah benar	2
B	Fokus 2 kesan-kesan/ akibat/ keburukan/ implikasi penyebaran berita palsu.	Markah
B1	boleh menyebabkan kehancuran perpaduan antara masyarakat berbilang kaum dan agama.	2
B2	boleh memberi impak negatif terhadap minda dan kehidupan masyarakat	2
B3	turut menyebabkan nama baik individu dan reputasi sesebuah organisasi serta kesejahteraan negara terjejas	2

Bahan 2

C	Fokus 1 langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara membendung penyebaran berita palsu	Markah
C1	Meneliti dahulu maklumat sebelum disebar (Teliti maklumat sebelum disebar)	2
C2	Menyaring informasi terlebih dahulu/ menyaring informasi (Saring informasi sebelum percaya)	2

Bahan 3

D	Fokus 1 langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara membendung penyebaran berita palsu	Markah
D1	Masyarakat menyemak kesahihan maklumat dan fakta berkaitan	2
D2	Laman web yang disediakan khas untuk membanteras berita palsu. SEBENAR.MY	2

E	Fokus 2 kesan-kesan/ akibat/ keburukan/ implikasi penyebaran berita palsu.	Markah
E1	Mengaibkan individu	2
E2	Mencetuskan panik	2

Kesimpulan:

K	Kesimpulan	Markah
K1	Kesimpulannya, penyebaran berita palsu perlulah dihentikan agar menjadikan suasana harmoni.	2
K2	Kesimpulannya, penyebaran berita palsu perlulah dihentikan	1

Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, berikan 1 (jika satu atau dua fokus betul) atau 0 markah (jika semua fokus salah).
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada penyebaran berita palsu sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT